



USIM di lokasi strategik

MODEL pembangunan Kompleks Pendidikan Nilai di Labu, Negeri Sembilan.



Oleh MARZITA ABDULLAH

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-12 ditubuhkan dan antara yang 'termuda' dalam kalangan IPTA di negara ini.

Walaupun persekitaran yang serba baru, USIM bergerak pantas untuk memenuhi keperluan semasa bukan sahaja dalam negara malah di persada antarabangsa.

Tidak seperti IPTA lain, USIM mempunyai tanggungjawab besar bukan sahaja melahirkan pelajar Islam yang memenuhi visi negara malah universiti dan pelajarnya merupakan pemimpin bagi pembentukan dan perpaduan ummah di negara ini dan rujukan antarabangsa.

Kata Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr.

Abdul Shukor Husin, satu-satunya kelebihan USIM yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan ialah persekitarannya iaitu kedudukan kampus yang sangat strategik berhampiran Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), lebuh raya Seremban-Kuala Lumpur yang menjadi perhubungan utara selatan.

"USIM duduk di tengah-tengah antara Selangor dan Negeri Sembilan maka USIM hendaklah diolah dan diwujudkan sebagai mercu tanda untuk dalam dan luar negara," katanya.

Pembangunan fizikal dalam USIM dan persekitaran telah menjurus kepada perhubungan modal insan antaranya kemudahan sukan, rekreasi, latihan industri dan kemudahan teknologi.

Lebih beruntung kerana USIM turut berjanji dengan beberapa IPTS yang sudah pasti mempunyai tarikan pelajar antarabangsa

yang akan mendedahkan USIM kepada mata mereka.

Menarik juga, USIM turut mengadakan kerjasama dalam bidang rekreasi sementelah ia berdekatan dengan sebuah kelab yang menyediakan padang golf yang luas.

Tumpuan penggemar golf yang juga pelabur dan ahli korporat sedikit sebanyak membantu mempromosikan USIM ke luar negara.

USIM tidak ketinggalan dalam membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan ilmu dan maklumat tentang sistem pengurusan kewangan Islam yang kini semakin mendapat perhatian dunia.

"USIM turut bekerjasama dengan negara luar khususnya anggota Pertubuhan Negara Islam (OIC)," katanya.

Yang penting katanya, USIM bukan sahaja untuk negara ini tetapi universiti bertaraf antarabangsa.



DR. ABDUL SHUKOR HUSIN